

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	75,566 OKU DAPAT PEKERJAAN ANTARA 2020 HINGGA 2024 - KESUMA		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1367850/75566-oku-dapat-pekerjaan-antara-2020-hingga-2024-kesuma	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/03/75566-oku-dibantu-dapat-pekerjaan-kesuma/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/parlimen-75566-oku-diterima-bekerja/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1192749/peng-ecualian-cukai-diberi-secara-terus-kepada-oku	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=phQfL8-idSg	YOUTUBE	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-70-000-oku-peroleh-pekerjaan-sejak-2020	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/715635/berita/nasional/lebih-75000-oku-dapat-pekerjaan-antara-2020-hingga-2024	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-laksana-pelbagai-inisiatif-strategi-tingkat-akses-pekerjaan-golongan-oku-510865	ASTROAWANI.COM	
	https://umno-online.my/2025/03/03/kesuma-perkukuh-akses-pekerjaan-untuk-golongan-oku-abdul-rahman/	UMNO-ONLINE.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1182975/over-75000-disabled-job-seekers-hired-2020-dewan-rakyat-told	NST.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2398313	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/strategi-bantu-oku-dapat-akses-pekerjaan-antara-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini-510819	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	LAPOR JIKA ADA KES PENDERAAN KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/03/lapor-jika-ada-kes-penderaan-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LEBIH 2,100 PELAJAR OKU BERJAYA DAPAT SKM SEJAK 2020 – ABDUL RAHMAN		POSITIF
	https://malaysiagazette.com/2025/03/03/lebih-2100-pelajar-oku-berjaya-dapat-skm-sejak-2020-abdul-rahman/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/lebih-2-100-pelajar-oku-terima-skm-sejak-2020-abdul-rahman-x9fhhdY	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	DEWAN RAKYAT: 245 PELAJAR OKU DILATIH DI ILJTM		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/03/dewan-rakyat-245-pelajar-oku-dilatih-di-iljtm/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/03/245-pelajar-oku-dilatih-dalam-bidang-teknologi-kesuma/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=EaKoi8qegxY	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	TIADA ANAK BUKAN BERERTI HIDUP TIDAK LENGKAP		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/tiada-anak-bukan-bererti-hidup-tidak-lengkap	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	IBU TUNGGAL HIDAP STROK TUMPANG KASIH ANAK SAUDARA		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/715631/edisi/terengganu/ibu-tunggal-hidap-strok-tumpang-kasih-anak-saudara	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	IBU TUNGGAL CEKAL SARA LAPAN ANAK, TEKAD BERI PENDIDIKAN SEMPURNA		POSITIF

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398551>

BERNAMA.COM

<https://www.sinarharian.com.my/article/715731/edisi/utara/ibu-tunggal-cekal-sara-lapan-anak-tekad-beri-pendidikan-sempurna>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PROGRAM OUTREACH KEBAJIKAN UPPM LIAWAN DITERUSKAN DI BEBERAPA BUAH KAMPUNG		POSITIF

<https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/03/program-outreach-kebaajikan-uppm-liawan-diteruskan-di-beberapa-buah-kampung>

UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	LIKAS FIRE VICTIMS GET RM1,300 CASH AID FROM SABAH GOVT		POSITIF

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/03/likas-fire-victims-get-rm1300-cash-aid-from-sabah-govt>

THESTAR.COM.MY

<https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2398416>

BERNAMA.COM

<https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1183031/sabah-fire-victims-get-financial-essential-aid>

NST.COM.MY

<https://sabahmedia.com/2025/03/03/hajiji-santuni-mangsa-kebakaran-di-likas-serah-sumbangan-kewangan/>

SABAHMEDIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	AKTA KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK (PINDAAN) 2024 BERKUAT KUASA SECARA RASMI		POSITIF

<https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/akta-keterangan-saksi-kanak-kanak-pindaan-2024-berkuat-kuasa-secara-rasmi>

BERITA.RTM.GOV.MY

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/03/akta-lindungi-saksi-kanak-kanak-berkuat-kuasa-hari-ini/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1183106/amen-ded-child-witness-act-2024-now-effect	NST.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/715647/berita/nasional/pindaan-akta-keterangan-saksi-kanak-kanak-mula-berkuat-kuasa	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/03/akta-keterangan-saksi-kanak-kanak-pindaan-2024-mula-berkuat-kuasa-hari-ini-azalina	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/03/pindaan-akta-keterangan-saksi-kanak-kanak-berkuat-kuasa-hari-ini/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1367971/akta-keterangan-saksi-kanak-kanak-pindaan-2024-akta-676	BHARIAN,COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	LELAKI DITAHAN BUNUH, BAKAR IBU KANDUNG DI ALOR SETAR		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-ditahan-bunuh-bakar-ibu-kandung-di-alor-setar-510808	ASTROAWANI.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/03/03/warga-emas-ditemui-mati-dengan-kesan-terbakar-dipercayai-dibunuh-anak-oku-mental-di-alor-setar	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/03/ibu-maut-di-tangan-anak-oku-mayat-ditemukan-dibakar/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/715590/berita/semasa/wanita-maut-dengan-kesan-terbakar-disyaki-dibunuh-anak	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-bunuh-bakar-ibu-direman-tujuh-hari-510837	ASTROAWANI.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/lelaki-oku-bunuh-bakar-ibu-sendiri-ditahan	BERITA.RTM.GOV.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	POLIS KESAN LELAKI BANTU SIASATAN KES PUKUL, UGUT PENGAWAL KESELAMATAN WANITA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-kesan-lelaki-bantu-siasatan-kes-pukul-ugut-pengawal-keselamatan-wanita/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : OVER 75,000 DISABLED JOB SEEKERS HIRED SINCE 2020

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 4 MAC 2025

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Over 75,000 disabled job seekers hired since 2020

A TOTAL of 75,494 disabled job seekers were employed under the Human Resources Ministry's Return To Work (RTW) programme from 2020 until Feb 21 this year, says Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad.

The Deputy Human Resources Minister said the RTW aims to assist those who are injured or suffering from illness to recover and return to work.

He said for this year alone until Feb 21, a total of 4,928 disabled job seekers gained employment.

According to Abdul Rahman, the RTW is among the ministry's many initiatives to help the disabled find jobs.

Other initiatives, he said, were the services provided by the MYFutureJobs satellite centre in Bangi and Warisan Anak Selangor Foundation, as well as targeted job carnivals for the disabled.

"The ministry also has an initiative under the Madani training programme to upskill the disabled with basic skills training through various courses."

Abdul Rahman was responding to a question by Datuk Adnan Abu Hassan (BN-Kuala Pilah), who asked about strategies to assist the disabled in employment access.

Meanwhile, Abdul Rahman said his ministry, through the Skills Development Department, has accredited 1,582 centres across Malaysia, of which 922 accept trainees with disabilities.

"Of the total, seven certified centres are dedicated entirely to disabled trainees," he added.

At the same time, Abdul Rahman said his ministry, though the Labour Department, has trained disabled students, providing tuition fee exemptions and a monthly assistance of RM300.

"From 2020 to 2024, a total of 245 disabled students were trained at the Labour Department Training Institution in the fields of graphic design, electronics and mechatronics technology."

A circular by the Public Service Department on Feb 17 outlined a new management guideline for inclusivity at the workplace.

It urged department heads to encourage their staff to declare their status under the Human Resources Management Information System.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm     

TAJUK :	INITIATIVES TO HELP PWD FIND JOBS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	4 MAC 2025	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Initiatives to help PwD find jobs

KUALA LUMPUR: The Human Resources Ministry, through the Employment Committee of the National Council for Persons with Disabilities, has implemented various initiatives and strategies in an effort to increase access to employment for Persons with Disabilities (PwD).

Human Resources Deputy Minister Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad said for the period 2020 to Dec 31, 2024, a total of 70,566 job seekers among PwD, including participants in the Return To Work (RTW) programme, have successfully found employment.

"The RTW programme is a disability management programme to help contributors who are injured or have an illness to recover and return to work sooner, healthier and safer," he said during a question-and-answer session at the Dewan Rakyat yesterday.

He was responding to a question by Datuk Adnan Abu Hassan (BN-Kuala Pilah) who wanted to know the strategy to help the disabled gain access to appropriate employment, given that there is still a lack of awareness, willingness and confidence among employers to hire disabled workers.

Abdul Rahman said as of December last year, a total of 1,915 PwD had participated in the Person With Disabilities Development programme, which is an initiative under the *Madani* Training Programme.

"In addition, the ministry, through the Skills Development Department has accredited 1,582 centres throughout Malaysia, of which 922 have accepted PwD trainees to undergo skills training," he said.

- Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lapor jika ada kes penderaan kanak-kanak



JKM menasihatkan orang ramai yang mengetahui tentang kes penderaan supaya terus menghubungi Talian Kasih.

Oleh Rencana Utusan 3 Mac 2025, 9:00 am

SUSULAN daripada satu hantaran tular di media sosial berkenaan seorang kanak-kanak OKU yang disyaki telah didera oleh pengasuh di taska, ibu bapa mangsa telah hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Shah Alam pada 4 Februari 2025 untuk membuat aduan.

Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) JKM Negeri Selangor mendapati premis telah berdaftar di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebagai tadika menerusi perakuan pendaftaran sementara yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah. Tadika ini juga menjalankan kelas Early Intervention Program (EIP) untuk kanak-kanak OKU.

Hasil pemeriksaan juga turut mendapati tadika tersebut menerima kanak-kanak berumur empat tahun ke bawah yang sepatutnya tidak dibenarkan kerana premis tidak didaftarkan sebagai taska. JKM telah mengeluarkan notis larangan beroperasi kepada pengusaha tadika tersebut kerana kesalahan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska).

Pihak JKM juga telah meminta pengusaha tadika untuk hadir ke pejabat JKM Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat susulan berkaitan kes ini. Kes ini juga telah dirujuk kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk tindakan selanjutnya.

JKM juga ingin menasihatkan orang ramai yang mengetahui tentang kes penderaan supaya terus menghubungi Talian Kasih di talian 15999, nombor WhatsApp 019-2615999 atau Aplikasi Talian Kasih atau terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terdekat bagi mendapatkan bantuan segera. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih 2,100 pelajar OKU terima SKM sejak 2020 - Abdul Rahman

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad memberitahu Parlimen Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memberi Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada OKU mulai tahun 2020 sehingga 2024, seramai 1,724 pelatih OKU telah mendaftar dan lebih 2,100 pelatih telah berjaya dipersijilkan.

"KESUMA melalui Jabatan Tenaga Manusia telah melatih pelajar-pelajar golongan OKU dan menyediakan bantuan elaun sebanyak RM300 sebulan serta pengecualian yuran pengajian," kata Abdul Rahman.

Jelasnya sejak tahun 2020 sehingga 2024, sejumlah 245 orang pelajar OKU pelbagai kategori telah dilatih di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dalam bidang seperti teknologi reka bentuk grafik dan teknologi elektronik.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dewan Rakyat: 245 pelajar OKU dilatih di ILJTM

Oleh ZULKIFU MANZOR 3 Mac 2025, 11:51 am



GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR – Seramai 245 pelajar orang kurang upaya (OKU) pelbagai kategori telah dilatih di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) bermula tahun 2020 hingga 2024.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Kesuma), Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menyediakan elaun RM300 sebulan dan mengecualikan yuran pengajian mereka.

“Mereka dilatih di ILJTM dalam bidang Teknologi Rekabentuk Grafik, Teknologi Elektronik dan Teknologi Mekatronik,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Adnan Abu Hassan (BN-Kuala Pilah) mengenai strategi kerajaan untuk membantu OKU mendapatkan akses kepada pekerjaan yang sewajarnya.

Menurut Adnan, kesedaran, kesediaan dan keyakinan majikan untuk mengambil pekerja OKU masih kurang, malah ketiadaan aksesibiliti di tempat kerja menyukarkan OKU untuk diterima bekerja dalam pelbagai sektor.

Sementara itu, Abdul Rahman memberitahu, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memberikan pentauliahan kepada 1582 pusat bertauliah di seluruh Malaysia.

Kata beliau, sebanyak 922 daripada pusat itu telah menerima pelatih OKU untuk mengikuti latihan kemahiran termasuk tujuh yang dikhususkan sepenuhnya untuk OKU.

Beliau berkata, JPK juga telah memberi Persijilan SKM kepada OKU mulai tahun 2020 hingga 2024 dan seramai 1724 pelatih OKU telah mendaftar.

“Lebih daripada 2100 pelatih telah berjaya dipersijilkan,” katanya.

Abdul Rahman berkata, Kesuma dipertanggungjawabkan mengetuai Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

Jelasnya, antara strategi dilaksanakan membantu OKU mendapatkan pekerjaan termasuk menubuhkan Pusat Satelit MYFutureJobs khusus untuk golongan OKU.

Kata beliau, Pusat Satelit MYFutureJobs itu terletak di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP Bangi) dan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)

Tambahnya, Karnival Pekerjaan secara bersasar khusus untuk golongan OKU turut dilaksanakan selain program Return To Work (RTW)

“RTW adalah program pengurusan hilang upaya untuk membantu pencarum yang cedera atau menghadapi penyakit untuk dipulihkan dan kembali bekerja.

“Bagi tempoh 2020 sehingga 31 Disember 2024, seramai 70,566 pencari kerja OKU termasuk peserta program RTW telah berjaya ditempatkan pekerjaan,” katanya.

Kata beliau, strategi lain melaksanakan Program Disability Equality Training (DET) dan Return To Work Coordinator (RTWC) untuk memberi pendedahan serta sokongan kepada majikan bagi menggajikan pekerja OKU.

“Inisiatif Program Daya Kerjaya 2.0 dilanjutkan di bawah belanjawan 2025 dengan bayaran insentif kepada majikan sebanyak RM600 sebulan dalam tempoh tiga bulan.

“Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) memfokuskan program Person With Disabilities (PWD) Development untuk memperkasakan OKU dengan kemahiran latihan asas melalui pelbagai kursus berfokuskan kompetensi atau persijilan.

“Setakat Disember 2024, sebanyak 1,915 OKU menyertai program PWD Development,” katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiada anak bukan bererti hidup tidak lengkap

Kolumnis - Dicipta: 03 Mac 2025 02:27 PM - Kemas kini: 03 Mac 2025 02:51 PM



Foto RTM

SAUDARA PENGARANG

Sebelum berkahwin, ditanya bila hendak mendirikan rumah tangga. Setelah berkahwin, ditanya pula bila mahu memimang cahaya mata.

Namun, apabila masih belum dikurniakan anak, pertanyaan itu sering kali berubah menjadi sindiran yang menyakitkan, seolah-olah ia satu kegagalan.

Beginilah realiti masyarakat kita yang cenderung melihat perkahwinan sebagai satu perjalanan yang harus mengikut skrip tertentu, berkahwin, kemudian mempunyai anak, barulah dianggap sempurna.

Tetapi, benarkah kebahagiaan rumah tangga hanya diukur melalui kehadiran anak?

Pasangan yang belum dikurniakan anak sering berdepan dengan tekanan seolah-olah mereka telah gagal dalam perkahwinan, tanpa mengambil kira usaha dan doa yang telah mereka panjatkan.

Lebih membimbangkan, wanita sering menjadi sasaran utama kritikan. Masyarakat mudah menunding jari kepada mereka, sedangkan isu kesuburan bukanlah tanggungjawab wanita semata-mata, tetapi melibatkan kedua-dua pihak.

Hakikatnya, masalah kesuburan boleh berpunca daripada pelbagai faktor, termasuk kesihatan, genetik, gaya hidup, atau sekadar belum tiba rezekinya. Namun, stigma yang kuat menyebabkan ramai wanita hidup dalam tekanan dan ketakutan berpanjangan.

Ada yang sanggup menjalani rawatan kesuburan yang mahal dan menyakitkan, malah mencuba kaedah tradisional yang belum tentu keberkesannya, hanya kerana takut dipandang serong oleh masyarakat, lebih-lebih lagi oleh keluarga sendiri.

Bukan itu sahaja, ada yang merasa rendah diri, terasing, serta kehilangan keyakinan untuk bersosial kerana sering dibandingkan dengan pasangan yang sudah mempunyai anak.

Lebih menyedihkan apabila tekanan dari pihak luar mengakibatkan perkahwinan retak, seolah-olah nilai seorang suami atau isteri hanya bergantung pada keupayaan mereka untuk memiliki zuriat.

Ada juga yang merasa diri tidak lagi berharga kerana gagal memenuhi ekspektasi masyarakat.

Dalam diam, mereka menangis, kecewa, dan merasa tidak cukup baik, hanya kerana norma yang terlalu menekankan bahawa perkahwinan hanya lengkap dengan kehadiran anak.

Masyarakat yang terus menerapkan naratif ini tanpa memahami realiti sebenar sebenarnya telah mewujudkan budaya yang menekan mereka yang berdepan dengan isu kesuburan.

Persoalannya, sampai bila kebahagiaan rumah tangga akan dinilai berdasarkan kehadiran anak? Masyarakat perlu sedar bahawa tidak semua pasangan berkahwin mampu mendapatkan anak dengan mudah.

Ada yang masih berusaha, ada yang sedang dalam proses menerima keadaan mereka, dan ada juga yang memilih untuk tidak memiliki anak.

Namun, tahukah kita bahawa soalan ringkas seperti "Bila nak ada anak?" mungkin kelihatan biasa, tetapi bagi mereka yang sedang berjuang, ia boleh menjadi luka yang mendalam.

Daripada menambahkan tekanan, lebih baik kita memupuk sifat empati terhadap isu ini agar lebih peka dan sensitif terhadap perasaan mereka yang menghadapinya.

Kesedaran tentang isu kesuburan juga perlu dipertingkatkan agar masyarakat lebih memahami cabaran yang dihadapi oleh pasangan yang mengalaminya.

Ini termasuk mengubah persepsi bahawa isu kesuburan bukan hanya tanggungjawab wanita, tetapi tanggungjawab bersama suami isteri secara adil dan seimbang.

Kesimpulannya, kehidupan tanpa anak bukanlah satu kegagalan. Sebaliknya, ia adalah satu bentuk kehidupan yang tetap boleh bahagia dan bermakna dengan caranya tersendiri, tanpa dibayangi persepsi negatif yang tidak berasas.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Prof. Madya Dr. Azmawaty Mohamad Nor
Timbalan Dekan Ijazah Dasar
Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
Ahli Lembaga Kaunselor Malaysia



Siti Nurmalilya Zakaria
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal hidap strok tumpang kasih anak saudara



NURFARDLINA IZZATI MOKTAR

Follow

03 Mac 2025 12:21pm



Fauziah (kanan) yang menghidap strok kini bergantung harap kepada anak saudaranya.

KUALA TERENGGANU - Seorang ibu tunggal di Kampung Ladang Sahak, di sini terpaksa menumpang kasih anak saudaranya selepas diserang strok sejak enam bulan lalu.

Fauziah Jusoh, 48, yang sebelum ini bekerja sebagai pengawal keselamatan, operator kilang dan pembantu kedai makan, kini hilang punca pendapatan dan hanya bergantung harap kepada anak saudaranya, Mohd Nazri Abdullah, 31.

"Saya hilang tempat bergantung sejak bercerai dengan suami kira-kira lima tahun lalu dan kini menghidap strok serta pelbagai penyakit lain," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Menurutnya, Mohd Nazri yang bekerja dengan syarikat penyelenggaraan jalan hanya memperoleh pendapatan kira-kira RM1,200 sebulan.

Selain menghidap strok, Fauziah turut menghidap penyakit darah tinggi, kencing manis dan tekanan darah rendah serta memerlukan rawatan susulan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

Bagaimanapun dia terpaksa mengabaikan sesi fisioterapi memandangkan tiada pengangkutan untuk membawanya ke hospital.

"Saya pernah memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), tapi masih belum ada jawapan.

"Buat masa ini segala perbelanjaan masih ditanggung oleh anak saudara saya," katanya.

Sementara itu, Fauziah berkata, dia berhasrat untuk kembali bekerja sekiranya kesihatannya pulih.

"Jiran saya, Salina Isa, 42, banyak membantu ketika Mohd Nazri keluar bekerja. Dia bukan sahaja membawa makanan tetapi turut memandikan saya jika perlu," jelasnya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menghubungi Fauziah di talian 011-3919 5951.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu Tunggal Cekal Sara Lapan Anak, Tekad Beri Pendidikan Sempurna

🕒 03/03/2025 09:05 PM



KANGAR, 3 Mac (Bernama) -- Kesempitan hidup tidak membataskan semangat seorang ibu tunggal untuk membesarkan lapan anaknya meskipun berdepan kekangan kewangan sejak berpisah dua tahun lepas.

Dengan pendapatan harian RM60 sebagai pembantu kafe di sebuah kilang dekat ini, Nurulnoorazlina Che Nazlan, 37, bertekad akan memastikan pendidikan lapan anaknya yang berusia tiga hingga 19 tahun tidak dikorbankan.

"Saya selalu pesan pada anak-anak, pendidikan adalah kunci untuk keluar daripada kesusahan dan jika mahu mengubah nasib, mereka perlu belajar bersungguh-sungguh," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Tiga anak Nurulnoorazlina sedang menuntut di sekolah rendah, seorang di sekolah menengah dan seorang lagi baru sahaja selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 dengan anak sulungnya merupakan mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Anak ketujuh ibu tunggal itu pula berusia lima tahun dan baru memulakan sesi tadika tahun ini, manakala yang bongsu berusia tiga tahun.

Nurulnoorazlina berkata Bantuan Awal Persekolahan (BAP) sebanyak RM150 yang diterima empat anaknya baru-baru ini memberi sedikit kelegaan, membantu menampung perbelanjaan asas sekolah mereka yang dianggarkan mencecah RM1,200.

"Duit bantuan itu saya gunakan sepenuhnya untuk kelengkapan sekolah mereka. Apabila semua kelengkapan mencukupi, mereka lebih bersemangat untuk belajar," katanya.

Beliau juga bersyukur kerana anak sulungnya turut menerima bantuan dermasiswa dan elaun bulanan daripada kerajaan untuk menampung pengajian di UniMAP.

Namun, cabaran yang dihadapi tidak terhenti di situ. Dua anaknya, anak keempat dan keenam, menghidap talasemia dan memerlukan rawatan hospital antara dua hingga empat kali sebulan.

Kos tambahan itu, kata Nurulnoorazlina memberi tekanan besar pada kewangan keluarga, meskipun bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedikit sebanyak membantu menampung perbelanjaan.

Dalam keadaan serba mencabar, beliau tidak pernah berhenti berharap dan berusaha kerana baginya masa depan anak-anak lebih penting daripada kesulitan yang dihadapi hari ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program Outreach Kebajikan UPPM Liawan diteruskan di beberapa buah kampung

© March 3, 2025, Isnin - 8:16am



GERAK: Kakitangan UPPM Liawan bersama Pegawai JKM Keningau mengunjungi beberapa penduduk menerusi Program Outreach yang dilaksanakan baru-baru ini.

KENINGAU: Program Outreach Kebajikan yang digerakkan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) Liawan merupakan bukti kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

Inisiatif itu yang diilhamkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Liawan, Datuk Annuar Ayub Aman, membawa harapan dan kelegaan kepada mereka yang memerlukan.

Dalam setiap langkah, program terbabit bukan sekadar menyampaikan bantuan, tetapi hadir sebagai telinga yang mendengar, tangan yang menghulur dan hati yang memahami.

Setiap permasalahan rakyat diteliti, setiap keperluan diperhalusi, kerana tiada siapa yang patut dibiarkan terpinggir.



GERAK: Kakitangan UPPM Liawan bersama Pegawai JKM Keningau mengunjungi beberapa penduduk menerusi Program Outreach yang dilaksanakan baru-baru ini.

Keprihatinan tanpa batasan, tindakan tanpa berlegh bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak menerima bantuan, setiap permohonan dinilai secara teliti.

Kali ini, beberapa kampung di kawasan DUN Liawan iaitu Kampung Limbawan, Kauran, Mempikit Laut dan Taman Anggerik dikunjungi menerusi program outreach bagi membawa sinar kepada mereka yang menanti bantuan.

Dengan sokongan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Keningau, usaha ini tidak hanya bersifat sementara, tetapi komitmen berterusan dalam memastikan kesejahteraan setiap penduduk DUN Liawan terjamin.



GERAK: Kakitangan UPPM Liawan bersama Pegawai JKM Keningau mengunjungi beberapa penduduk menerusi Program Outreach yang dilaksanakan baru-baru ini.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm     

TAJUK :	RM1,300 AID FOR DISPLACED SABAH FIRE VICTIMS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	4 MAC 2025	M/SURAT :	11
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

RM1,300 aid for displaced Sabah fire victims

KOTA KINABALU: The Sabah government has given immediate cash assistance of RM1,300 to victims of the recent fire at Kampung Cempaka here that left 511 people homeless.

Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor, who visited the victims, said the state gave each head of household RM1,000, while state-owned Yayasan Sabah contributed the remaining RM300.

As the fire occurred just a day before the fasting month of Ramadan started on Sunday, Hajiji said the state government was concerned about the victims' wellbeing and was now considering further measures to assist them.

He said the state government, together with other relevant departments, and Kota Kinabalu City Hall will hold further discussions to help the fire victims.

Apart from financial assistance, he said the state, with the help of Sabah Welfare Foundation and Yayasan Sabah, were also providing items such as food baskets and gas stoves.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	AMENDED EVIDENCE OF CHILD WITNESS ACT COMES INTO FORCE		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	4 MAC 2025	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Amended Evidence of Child Witness Act comes into force

PUTRAJAYA: The government announced that the Evidence of Child Witness (Amendment) Act 2024 [Act 676] came into force yesterday.

Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said said the Act, which was passed in the Dewan Rakyat on July 11, 2024, is intended to enhance the protection and rights of child witnesses within the legal system.

"With this amendment, Act 676 now serves as the primary legislation

outlining substantive provisions and procedures relating to the testimony of child witnesses," she said in a statement.

Azalina added that several related legislation have also been amended to ensure consistency, such as the Evidence Act 1950 [Act 56], the Sexual Offences Against Children Act 2017 [Act 792], the Oaths and Affirmations Act 1949 [Act 1949], the Security Offences (Special Measures) Act 2012 [Act 747], and the Armed Forces Act 1972 [Act 77].

"With these amendments, the competency of child witnesses to provide testimony in any proceedings related to offences under the Sexual Offences Against Children Act 2017, or any offences listed in the Schedule to the Act where the victim is a child, will now be fully governed under the Evidence of Child Witnesses Act 2007."

Azalina said this includes the conviction of an individual for an offence under the Act based solely on the testimony of a child witness, without corroboration, under the

newly introduced provisions.

She affirmed that the Madani government remains committed to upholding the status of child witnesses within the justice system and recognises their crucial role in the administration of justice.

She said this initiative aligns with Malaysia's international commitments, including under the Convention on the Rights of the Child.

Azalina further noted that the amendments to the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 [Act

597], which came into force on July 10, 2024, are concrete evidence of the government's commitment.

She highlighted that a key amendment is the introduction of Section 6A, which establishes the positions of a chief commissioner for children and two commissioners for children.

She stated that the Legal Affairs Division of the Prime Minister's Department is making suitable appointments to these positions.

- Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PERLINDUNGAN DAN HAK SAKSI KANAK-KANAK TERUS DIPERKUKUH

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 4 MAC 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Perlindungan dan hak saksi kanak-kanak terus diperkukuh



Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024 (Akta 676) berkuat kuasa

Putrajaya: Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024 [Akta 676] mula berkuat kuasa secara rasmi, semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata akta diluluskan Dewan Rakyat pada 11 Julai 2024 itu bertujuan memperkukuh perlindungan dan

hak saksi kanak-kanak dalam sistem perundangan negara.

"Melalui pindaan ini, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] kini menjadi perundangan utama yang menggariskan peruntukan substantif dan tatacara berkaitan keterangan saksi kanak-kanak," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sehubungan itu, Azalina berkata, beberapa akta berkaitan turut dipinda bagi memastikan keseragaman dalam sistem perundangan, termasuk Akta Keterangan 1950 [Akta 56] dan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792].

Selain itu, Akta Sumpah dan Ikrar 1949 [Akta 1949], Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] dan Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77].

"Dengan pindaan ini, kompetensi saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding berkaitan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 atau mana-mana kesalahan dalam jadual kepada akta berkenaan sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, kini akan diuruskan sepenuhnya di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007," katanya.

Azalina berkata, ini juga ter-

masuk pensabitan seseorang bagi kesalahan di bawah akta itu yang boleh berasaskan keterangan saksi kanak-kanak tanpa sokongan, selaras dengan peruntukan baharu yang diperkenalkan.

Iktiraf peranan saksi kanak-kanak

Beliau berkata, Kerajaan MADANI tekad untuk terus memartabatkan kedudukan saksi kanak-kanak dalam sistem keadilan negara dan mengiktiraf peranan penting mereka dalam me-

negakkan keadilan.

Katanya, usaha itu juga sejajar komitmen antarabangsa Malaysia, termasuk di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak.

"Pindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] yang dikuatkuasakan pada 10 Julai 2024, antara bukti nyata iltizam kerajaan dalam memperkukuh perlindungan terhadap kanak-kanak.

"Antara perubahan utama dalam pindaan berkenaan ialah penambahan Seksyen 6A yang memperuntukkan pelantikan seorang Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan dua Pesuruhjaya Kanak-Kanak," katanya.

Azalina berkata, proses pelantikan bagi jawatan berkenaan kini sedang diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan dijangka selesai pada masa terdekat.

"Pelantikan ini akan memastikan suara dan kebajikan kanak-kanak di Malaysia terus diperkasakan serta diberi perhatian sewajarnya dalam dasar dan pentadbiran negara," katanya.

BERNAMA

“Antara perubahan utama dalam pindaan berkenaan ialah penambahan Seksyen 6A yang memperuntukkan pelantikan seorang Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan dua Pesuruhjaya Kanak-Kanak”

Azalina Othman Said,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri
(Undang-Undang
dan Reformasi
Institusi)



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : NENEK JERIT MINTA TOLONG!

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 MAC 2025

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



SUSPEK (tengah) direman selama tujuh hari untuk membantu siasatan.

NENEK JERIT MINTA TOLONG!

Lelaki pemegang kad OKU mental didakwa bertengkar sebelum mayat ibu ditemui dalam keadaan terbakar

Oleh Zuliati Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Pertengkaran antara anak dan ibu berakhir dengan tragedi apabila wanita warga emas mati itu ditemukan meninggal dunia dengan kesan terbakar diperceyai anggara anak lelakinya itu di sebuah rumah di Jalan Tok Keling di sini, kelmarin.

Dalam kejadian antara jam 7 pagi hingga 7:30 pagi itu, lelaki berusia 43 tahun yang juga pemegang kad orang kurang upaya (OKU) mental itu dikatakan mengamuk selepas bertengkar dengan ibunya yang berusia 68 tahun.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Siti Nor Salawati

berkata, pada jam 7:48 pagi, Pusat Kawalan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kota Setar menerima panggilan melalui talian MERS 999 berkait satu kejadian mengamuk di rumah berkenaan.

Katanya, anggota polis yang tiba di lokasi membuat tangkapan terhadap seorang lelaki yang mengamuk dan pemeriksaan lanjut menemui satu mayat dalam keadaan terbakar di dalam rumah dipercayai dibunuh.

Siti Nor Salawati berkata, siasatan awal berdasarkan temu bual ke atas saksi iaitu anak kepada suspek berusia 14 tahun memberitahu dia terdengar pertengkaran antara bapanya dengan si mati iaitu neneknya.

Beliau berkata, sebaik terdengar jeritan neneknya meminta tolong, remaja itu keluar diri keluar dari rumah untuk meminta bantuan daripada jiran.

"Beberapa jiran yang cuba melihat

apa yang berlaku diancam oleh suspek menyebabkan mereka terpaksa menghubungi polis untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan.

Katanya, mayat mangsa dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) untuk bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan kerana membunuh.

"Polis masih menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti motif sebenar kejadian," katanya.

Difahamkan, suspek dipercayai mempunyai masalah mental sejak 2019 yang dipercayai akibat masalah keluarga.

Ujian saringan awal air kencing terhadap suspek didapati negatif dan tidak mempunyai rekod kesalahan lampau.

Sementara itu, Majistret Nur Syifa Mohd Hamzah membenarkan perintah reman selama tujuh hari ke atas suspek bermula semalam bagi membantu siasatan.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : LELAKI MENGAMUK SEBELUM BUNUH IBU

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 4 MAC 2025

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Lelaki mengamuk sebelum bunuh ibu

Polis temukan mayat wanita warga emas dalam keadaan terbakar

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Seorang lelaki dipercayai mengamuk sebelum membunuh ibunya berusia 68 tahun yang ditemui dengan kesan terbakar di sebuah rumah di Jalan Tok Keling, di sini.

Laporan kejadian itu diterima Pusat Kawalan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kota Setar melalui talian MERS 999 pada jam 7.48 pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Siti Nor Salawati Saad, berkata polis yang tiba di lokasi kejadian kemudian menahan suspek, 43, yang dikatakan mengamuk sebelumnya.

“Pemeriksaan lanjut polis seurus kemudian menemukan mayat wanita warga emas dalam keadaan terbakar di dalam rumah, dipercayai dibunuh,” katanya menerusi kenyataannya, semalam.

Siti Nor Salawati berkata, siasatan awal berdasarkan temu bual dengan anak suspek berusia 14 tahun mendapati remaja itu terdengar pertengkaran antara bapanya dengan nenek, antara jam 7 pagi hingga 7.30 pagi.

Minta bantuan jiran

Beliau berkata, sebaik mendengar jeritan neneknya meminta tolong, remaja itu segera keluar dari bilik dan melarikan diri ke luar rumah untuk mendapatkan bantuan jiran.

“Beberapa jiran cuba melihat apa yang berlaku, namun diancam oleh suspek, menyebabkan mereka terpaksa menghubungi



Siti Nor Salawati

pihak polis untuk tindakan lanjut.

“Sebaik polis tiba, lelaki itu ditahan di hadapan rumah dan pemeriksaan lanjut menemui ibu suspek dalam keadaan terbakar,” katanya.

Siti Nor Salawati berkata, hasil semakan mendapati suspek adalah pemegang kad orang kurang upaya (OKU) mental.

Beliau berkata, mayat dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) untuk bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Polis masih menjalankan siasatan bagi mengenal pasti motif sebenar kejadian,” katanya.

Dalam pada itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret di sini dan dibenarkan oleh Majistret Nur Syifa Mohd Hamzah direman tujuh hari hingga 9 Mac untuk membantu siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	MAN WHO ALLEGEDLY KILLED MUM HAD HELPED HER WITH RAMADAN SHOPPING		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	4 MAC 2025	M/SURAT :	10
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

MENTALLY ILL

Man who allegedly killed mum had helped her with Ramadan shopping

ALOR STAR: A day before he allegedly killed and set his mother on fire at their home in Kampung Tok Keling, a mentally ill man was seen helping her shop for Ramadan essentials.

The 43-year-old suspect, who holds a person with disabilities (OKU) card, had never shown signs of aggression before Sunday's murder.

Neighbour Mohd Khalil Ismail, 48, who has known the family since 2004, said the 68-year-old victim was close to his mother and they often attended Quran lessons together at a nearby surau.

"I knew the victim as Tok Cah. She and my mother were very close. I believe it happened during sahur. By the time I realised something was wrong, there were already flames inside their home.

"The suspect has a mental illness. He's usually okay, but if he doesn't take his medication, he sometimes runs around the village naked. But he was never aggressive.

"It was very out of the ordinary for him to act that way," the assistant engineer said.

Khalil said he found out about the incident when the suspect's 14-year-old daughter ran to his house to ask his mother for help.

"My mother told me about it. When I stepped outside to check, I saw flames inside the man's



The suspect (second from right) at the Alor Star Court Complex yesterday where he was remanded for seven days to assist a probe into Sunday's incident in Kampung Tok Keling, Alor Star. NSTP PIC BY ZULIATY ZULKIFFLI

house. But police were already there. They told me to stay back."

Khalil said the suspect, who worked as a security guard, had three children from a previous marriage.

After the divorce, the suspect took custody of one daughter, while his ex-wife had custody of the other two children, he said.

"I heard that the man refused to take his medication. There is talk that an argument about watching television sparked the incident.

"The man didn't sleep and watched television all night. His mother unplugged the television and told him to take his medication. That caused his out-

burst," he said.

Attempts by the *New Straits Times* to contact the suspect's family for comments were unsuccessful.

The family, particularly the suspect's daughter, is still traumatised by the incident and declined to speak.

On Sunday, it was reported that a heated argument between a mentally ill man and his elderly mother ended when he allegedly killed her and set her alight in their home in Kampung Tok Keling.

Police have remanded the man for seven days to facilitate murder investigations.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis kesan lelaki bantu siasatan kes pukul, ugut pengawal keselamatan wanita

🕒 03 Mac 2025, 11:48pm



Megavan dikehendaki polis bagi membantu siasatan kes pukul dan ugutan jenayah terhadap pengawal keselamatan wanita.- Foto: PDRM

KUALA LUMPUR: Polis sedang mengesan individu dikehendaki, Megavan Selvarajoo, 42, bagi membantu siasatan berhubung kes serangan jenayah terhadap seorang pengawal keselamatan wanita di Bandar Puteri Puchong pada 25 Februari lalu.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner A A Anbalagan berkata, lelaki berkenaan dikehendaki bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan, Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6 Akta Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya.

“Sebarang maklumat berkaitan boleh disalurkan kepada Pegawai Penyiasat, Inspektor Sivanantha Madewan di talian 016-3797727,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Terdahulu, media melaporkan seorang pengawal keselamatan wanita dipukul dan diugut oleh seorang lelaki yang dikenalnya di sebuah pondok keselamatan di sebuah apartmen di Bandar Puteri Puchong.

Anbalagan berkata, pihaknya turut mengesan video kejadian berdurasi empat minit 29 saat yang tular di Facebook semalam.

Beliau memaklumkan pihaknya sudah menerima laporan daripada mangsa berusia 32 tahun pada jam 1.30 tengah hari.